

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) MENGENAI
 PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI
NEGERI MELAKA TAHUN 2021**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Melaka Tahun 2021. LKAN ini mengandungi laporan berkaitan Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021, Analisis Kewangan Kerajaan Negeri serta Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri. Perincian bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021

- a. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 Tanpa Teguran dengan perenggan Hal-hal Lain telah ditandatangani pada 29 Julai 2022.
- b. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Melaka menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.
- c. **Hal-hal Lain**
 - Kerajaan Negeri Melaka hendaklah memastikan perekodan setiap urus niaga berasaskan konsep berhemat (Prudence Concept) dan wujud konsistensi bagi perkara berikut:
 - penjualan bangunan Wisma Melaka di Mesir yang dibuat secara pelarasan kontra antara pinjaman Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dengan hasil jualan harta benda Kerajaan negeri perlu mengambil kira keperluan untuk tidak melakukan kontra kerana ia tidak selaras dengan kerangka kerja perakaunan; dan
 - Kerajaan negeri sepatutnya membuat kaedah pengiktirafan hasil terimaan bayaran balik pinjaman daripada MAIM mengikut nilai anuiti yang ditetapkan dalam perjanjian.

1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Melaka pada tahun 2021 adalah stabil berdasarkan Matriks Kedudukan Kewangan Tahun 2021.
- b. Kutipan hasil pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM65.37 juta atau 16.6% menjadi RM458.25 juta. Bagaimanapun, perbelanjaan meningkat sebanyak RM4.41 juta atau 1% menjadi RM427.32 juta pada tahun 2021 berbanding RM422.91 juta pada tahun 2020.
- c. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak RM65.83 juta atau 115.2% menjadikan baki pada tahun 2021 berjumlah RM8.67 juta berbanding defisit RM57.16 juta pada tahun 2020.
- d. Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak RM31.88 juta atau 14.7% menjadikan baki pada tahun 2021 berjumlah RM249.44 juta berbanding RM217.56 juta pada tahun 2020. Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2020 dan 2021 berbaki sifar. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM258.11 juta, iaitu meningkat sebanyak RM97.71 juta atau 60.9% berbanding RM160.40 juta pada akhir tahun 2020.
- e. Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sebanyak RM35.63 juta atau 8.5% daripada RM420.70 juta pada tahun 2020 kepada RM456.33 juta pada tahun 2021. Pelaburan menurun sebanyak RM39.65 juta atau 21.7% daripada RM182.65 juta pada tahun 2020 kepada RM143 juta pada tahun 2021. Hutang Awam menurun sebanyak RM2.88 juta atau 0.4% menjadi RM640.15 juta berbanding RM643.03 juta pada tahun 2020.

1.3. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri

- a. Pengauditan penyata kewangan dilaksanakan terhadap 16 agensi negeri yang terdiri daripada 11 Badan Berkanun Negeri (BBN), empat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan satu Majlis Agama Islam (MAI).
- b. Sembilan BBN dan empat PBT serta satu MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit. Sebanyak 12

daripada 14 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2022. Manakala dua agensi negeri mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan iaitu Yayasan Melaka dan Perbadanan Teknologi Hijau Melaka. Dua agensi negeri masih belum mengemukakan penyata kewangan iaitu Perbadanan Stadium Melaka dan Majlis Sukan Negeri Melaka.

- c. Setakat 31 Ogos 2022, hanya tujuh penyata kewangan agensi negeri telah disemak dan disahkan. Sebanyak tiga penyata kewangan telah disahkan dengan Pendapat Tanpa Teguran iaitu Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dan Majlis Perbandaran Jasin. Manakala empat penyata kewangan telah disahkan dengan Pendapat Berteguran iaitu Perbadanan Bioteknologi Melaka, Perbadanan Muzium Melaka, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah. Bagaimanapun, tujuh penyata kewangan BBN dan satu PBT serta satu MAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 sedang dalam proses pengauditan dan belum disahkan.
 - d. Sebanyak dua penyata kewangan tahun 2020 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Melaka pada 27 Disember 2021 manakala penyata kewangan Majlis Sukan Negeri Melaka tidak dibentangkan di Dewan Undangan Negeri kerana tidak dikehendaki oleh Akta Tubuh.
-
2. Secara keseluruhannya, sebanyak enam syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara. Empat syor kepada Kerajaan Negeri Melaka dan dua syor kepada agensi negeri.